

# Birokrasi jejas sistem penyampaian

Oleh HAMDEN RAMLI

**KUALA LUMPUR** 8 Feb. – Kerehan birokrasi yang keterlaluan, kelewatan dalam meluluskan permohonan dan lesen serta kekurangan maklumat mengenai polisi dan peraturan baru adalah antara masalah utama yang membelenggu sistem penyampaian kerajaan.

Selain itu, kualiti perkhidmatan yang rendah serta kurang koordinasi antara agensi kerajaan sebagai pembuat dan pelaksana polisi turut menjadi faktor yang menjelaskan sistem penyampaian tersebut.

Pengerusi bersama Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah), Datuk Yong Poh Kon berkata, secara umum sistem penyampaian kerajaan perlu lebih cekap, telus dan bertanggungjawab.

“Pada masa ini Pemudah belum mengetahui pasti bidang-bidang tertentu atau masalah yang memerlukan perhatian segera.

“Tetapi sebagai Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), saya sudah biasa dengan masalah yang menghantui sistem penyampaian kerajaan kita kerap melakukan kaji selidik,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Semalam, kerajaan mengumumkan penubuhan dan keanggotaan Pemudah dalam usaha menambah baik sistem penyampaian kerajaan terutama yang berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sebagai permu-laan, Pemudah yang dianggotai 23 pegawai tinggi kerajaan dan tokoh perniagaan akan memberi tumpuan kepada isu-isu sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan bagi menjadikannya lebih cekap, responsif dan mesra perniagaan.

Pemudah diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Poh Kon berkata, oleh kerana Malaysia

sedang berhadapan dengan persekitaran kompetitif dalam bidang perdagangan dan pelaburan, seharusnya Pemudah memberikan fokus kepada dua bidang itu.

Malah ujarnya, Perdana Menteri turut menyatakan bahawa perhatian perlu diberikan kepada perkara berkaitan memulakan perniagaan, pembinaan kilang, pendaftaran harta tanah, eksport dan import, percukaian dan menggaji tenaga pakar asing.

“Sementara itu, banyak daripada bidang-bidang itu diletakkan di bawah kuasa agensi persekutuan dan pada masa sama turut melibatkan pihak berkuasa di peringkat daerah dan kerajaan tempatan.

“Kita perlu menyemak keseluruhan jenama kerajaan dan memberikan fokus perhatian untuk membaiki bahagian yang gagal berfungsi,” ujarnya.

Dari segi rangka kerja, katanya, ia perlu memberi keutamaan untuk mengenal pasti undang-undang dan prosedur yang menghalang keberkesanannya keseluruhan proses sistem penyampaian kerajaan.

Selepas itu, tambah beliau, Pemudah boleh menentukan apakah isu-isu mendesak yang perlu tindakan segera.

“Ada antara isu-isu ini perlu diselesaikan segera kerana ia mungkin melibatkan perubahan peraturan dan prosedur.

“Namun ada juga langkah bersifat penyelesaian jangka sederhana dan panjang akan diambil kerana ia melibatkan perubahan undang-undang,” katanya.

Poh Kon mengingatkan, dalam persekitaran yang kompetitif hari ini, Malaysia perlu sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan sokongan kepada pelabur dan perniagaan selain sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatannya.

Sebagai contoh, katanya, Vietnam pernah menghantar pegawai untuk mengkaji cara Malaysia dan sekarang mereka mendahului dalam sesetengah aspek.

Indonesia, Thailand, China dan India

PEMUDAH	
(Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan)	
<b>SEKTOR AWAM</b> <p><b>KETUA</b> <b>Tan Sri Mohd. Sidek Hassan (KSN)</b></p> <p><b>ANGGOTA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Tan Sri Ismail Adam</b> (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam)</li> <li>2. <b>Tan Sri Izzuddin Dali</b> (Ketua Setiausaha (KSU) Perbendaharaan)</li> <li>3. <b>Datuk Suboh Md. Yasin</b> (KSU Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar)</li> <li>4. <b>Datuk Ahmad Fuad Ismail</b> (KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)</li> <li>5. <b>Datuk Thomas George MS George</b> (KSU Kementerian Sumber Manusia)</li> <li>6. <b>Datuk Ahmad Pheisal Talib</b> (KSU Kementerian Wilayah Persekutuan)</li> <li>7. <b>Datuk Abdul Rahman Mamat</b> (KSU MITI)</li> <li>8. <b>Tan Sri Khalid Ramli</b> (Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan)</li> <li>9. <b>Datuk Yaacob Husin</b> (Ketua Pengarah MAMPU)</li> <li>10. <b>Datuk R. Karunakaran</b> (Ketua Pengarah MIDA)</li> <li>11. <b>Hafsa Hashim</b> (Ketua Eksekutif SMIDEC)</li> <li>12. <b>Datin Arpah Abdul Razak</b> (Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan)</li> </ul>	<b>SEKTOR SWASTA</b> <p><b>KETUA</b> <b>Datuk Yong Poh Kon</b> (Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM))</p> <p><b>ANGGOTA</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. <b>Datuk Nicholas S. Zeffreys</b> (Bekas Presiden Dewan Perniagaan Malaysia-Amerika)</li> <li>2. <b>Datuk Azman Shah Harun</b> (Presiden Persekutuan Majlis-Majikan Malaysia)</li> <li>3. <b>Pardip Kumar Kukreja</b> (Timbalan Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan)</li> <li>4. <b>Dr. Andy Seo</b> (Ahli Lembaga FMM)</li> <li>5. <b>Datuk Azman Yahya</b> (Ketua Eksekutif Kumpulan Symphony House Berhad)</li> <li>6. <b>Datuk Seri Wan Zaki Wan Muda</b> (Timbalan Pengurus Eksekutif Ahmad Zaki Resources Bhd.)</li> <li>7. <b>Chua Tia Guan</b> (Ketua Unit Kajian Ekonomi Dewan Perdagangan dan Industri Cina Bersekutu Malaysia)</li> <li>8. <b>Tan Sri G. Gnanalingam</b> (Pengerusi Eksekutif Westport Sdn. Bhd.)</li> <li>9. <b>Mike Krishnan</b> (Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa)</li> </ul>
<p><b>MATLAMAT</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menambah baik sistem penyampaian kerajaan terutama berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.</li> <li>● Memberi tumpuan kepada isu-isu sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan bagi menjadikannya lebih cekap, responsif dan mesra perniagaan.</li> <li>● Mengenal pasti dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan yang wajar terhadap prosedur, peraturan serta undang-undang dalam memudahkan pengendalian perniagaan di Malaysia.</li> <li>● Menggalakkan lebih banyak pelaburan serta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.</li> <li>● Melonjakkan pertumbuhan dan produktiviti ke peringkat lebih tinggi.</li> </ul> <p><b>TINDAKAN</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Wakil sektor awam dan swasta sentiasa hadir dalam mesyuarat dan PEMUDAH akan membuat laporan terus kepada Perdana Menteri.</li> </ul> <p><b>RANGKA WAKTU</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Tempoh enam bulan kepada PEMUDAH untuk melakukan perubahan dalam sistem penyampaian terutama berkaitan perjalanan ekonomi negara.</li> </ul>	

pula jelas beliau, adalah antara pesaing lain yang giat meningkatkan perkhidmatan sokongan kepada para pelabur.

“Ringkasnya, kita bukan sahaja perlu mengekalkan kualiti perkhidmatan yang

disediakan tetapi perlu memberi fokus bagi memastikan perkhidmatan kita sentiasa mengatasi pesaing,” jelas beliau.

Poh Kon yakin, dengan kuasa yang mencukupi serta diperkuatkan oleh individu

yang komited, Pemudah mampu menjaya kan tanggungjawab itu.

Beliau menambah, Pemudah dijangka mengadakan mesyuarat pertama pada 23 Februari ini.